

AGENSI PEKERJAAN  
(TMC)  
TRAINED MAID CENTRE

INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN MELAKA



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA

Tarikh : **17hb September 1996**  
Surat Tuan :  
Surat Kami : **100-CM(AKA 37/B)**

Km. 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah, Melaka.  
Tel : No. 06 - 5591000, 5591007, 5591009  
Telefax : 06 - 5563963  
**06-5591067**

## KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Adalah dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang berikut adalah pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, di Institut Teknologi MARA, Cawangan Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran mereka.

<u>Bil</u>	<u>Nama Pelajar</u>	<u>No. ITM</u>
1.	Noor Haslinda Zakaria	94591454
2.	Rohaya Abu	93190717
3.	Masilawati Kamarudin	93290854
4.	Natrah Abd Halim	94640689

Sehubungan dengan itu, dapat kiranya pihak tuan memberikan kerjasama yang diperlukan. Semua maklumat yang diterima akan digunakan untuk tujuan akademik sahaja.

Sekian, di atas perhatian dan kerjasama daripada pihak tuan kami dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Yang benar,

**NASIR NORDIN**  
Ketua Kursus DBS  
ITM Melaka  
b/p Pengetua

## *SURAT PENTRERAHAN*

Agensi Pekerjaan Trained Maid Centre,  
2F, Tingkat 1, Jalan Hang Tuah,  
57300 Melaka.

Kepada :

Pn. Asmah Zainuddin,  
Pensyarah ETR 300  
DBS 5 A  
ITM Cawangan Melaka.

1 November 1996

Puan,

### Penyerahan Rancangan Perniagaan.

Merujuk kepada perkara diatas, kami dengan sukacitanya ingin mengemukakan Rancangan Perniagaan kami yang bertajuk Agensi Pekerjaan Trined Maid Centre, yang telah disediakan mengikut tatacara dan prosedur yang ditetapkan oleh pihak puan.

Rancangan Perniagaan ini bertujuan untuk membolehkan para pelajar ITM mengetahui cara - cara dan teknik - teknik untuk memulakan dan menjalankan sesuatu perniagaan dengan lebih sistematik seterusnya menjadi seorang usahawan yang berjaya, Insya- Allah. Rancangan Perniagaan ini membincangkan pelbagai aspek perniagaan dengan lebih komprehensif termasuklah objektif projek, latar belakang projek, rakan kongsi dan pengurusan bahagian - bahagian yang terlibat seperti bahagian pentadbiran, bahagian operasi, bahagian pemasaran dan bahagian kewangan.

Kami telah berusaha keras membuat penyelidikan bagi menyediakan rancangan perniagaan ini dan banyak ilmu pengetahuan serta pengalaman yang kami perolehi bagi menyiapkan diri untuk memulakan sesuatu perniagaan

Kami berharap semoga rancangan perniagaan ini dapat mencapai matlamat dan objektif perniagaan yang kami pilih. Kami juga berharap ia akan memenuhi kehendak pihak puan.

Yang Benar,

NOOR HASLINDA ZAKARIA

MASILAWATI KAMARUDIN

ROHAYA ABU

NATRAH ABD HALIM

## **1.0 PENGENALAN PROJEK**

Projek yang kami lakukan ini merupakan satu perkhidmatan membekalkan tenaga pembantu rumah asing dengan menggunakan nama Agensi Pekerjaan Trained Maid Centre. Projek ini diwujudkan untuk memenuhi aliran permintaan terhadap pembantu rumah dimana ia membuktikan bahawa perkembangan baik ekonomi negara telah menaikkan taraf hidup masyarakat dan pertambahan fenomena pasangan yang bekerja amat memerlukan pembantu rumah untuk menguruskan rumahtangga. Ini juga membantu mencapai matlamat masyarakat penyayang dimana masa yang tersisa sedikit selepas bertungkus-lumus di tempat kerja, dapat digunakan sepenuhnya untuk beristirehat bersama keluarga. Oleh itu kami telah bersetuju untuk melaksanakan projek ini dan mengharapkan kejayaan yang memberansangkan.

Operasi agensi kami melibatkan kerjasama dengan sebuah agensi pekerjaan di Indonesia iaitu Agensi Kuasakerja Indonesia, yang bertindak sebagai pembekal. Agensi Indonesia ini sememangnya menguruskan pengeksportan tenaga kerja dari Indonesia ke negara-negara seperti Timur Tengah, Amerika, Britain, Singapura dan salah satu perkhidmatannya adalah membekalkan tenaga pembantu rumah ke Malaysia iaitu melalui agensi kami. Perjanjian antara agensi kami dengan agensi di Indonesia akan mengikat kedua-dua agensi dalam soal pemilihan, pembekalan dan untuk bekerjasama. Setiap tenaga kerja yang akan dihantar ke agensi kami akan dipilih daripada mereka yang sekurang-kurangnya boleh menulis dan membaca. Selepas

pemilihan dibuat, segala biodata dan maklumat penting bakal pembantu rumah akan diuruskan oleh agensi kami untuk mendapatkan kelulusan memasuki Malaysia. Ketika proses kelulusan dijalankan di Malaysia, bakal pembantu rumah yang telah dipilih di Indonesia akan mengikuti satu modul latihan tentang persekitaran dan budaya makanan, etika sosial dan sensitiviti masyarakat Malaysia. Mereka akan diberi latihan dan pengetahuan asas ini sebelum melayakkan mereka datang sebagai tenaga separuh mahir ke negara ini. Selepas sahaja kelulusan dicapai dan proses penghantaran melalui feri selesai, semua bakal pembantu rumah yang tiba diperlabuhan akan mengikuti sebuah sesi penerangan atau taklimat yang akan diberikan oleh kami sebelum penyerahan dibuat kepada majikan. Pembantu rumah ini akan diserahkan secara terus kepada majikannya di pejabat kami. Selepas itu agensi akan membantu majikan untuk mendapatkan permit kerja bagi pembantu rumah tersebut, dalam tempoh sebulan.

Segala kos perbelanjaan semasa di Indonesia adalah tanggungan agensi Indonesia hasil daripada caj yang diambil dari pembantu rumah yang ingin datang ke Malaysia itu, manakala caj bagi latihan akan dibayar oleh agensi kami mengikut perjanjian yang telah dibuat. Dan segala caj bagi urusan di Malaysia akan dikenakan keatas pelanggan atau bakal majikan yang akan mengambil pembantu rumah tersebut. Kami membekalkan tenaga pembantu rumah ini pada harga RM 2800 seorang kerana dia telah dilatih. Disini majikan atau pelanggan kami mempunyai keistimewaan kerana dalam masa satu hingga tiga bulan, seandainya berlaku perkara yang tidak diingini seperti pembantu rumah itu lari atau bertindak tidak wajar, maka majikan berhak mendapatkan penggantinya daripada agensi, setelah siasatan dijalankan. Semua pembantu rumah yang dibekalkan dari Dumai ini